

22 MAR 1999

Mahathir-JE

JE TIDAK JEJAS INDUSTRI PELANCONGAN

CYBERJAYA, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, jangkitan virus Japanese Encephalitis (JE) pada babi sehingga ini belum menjejaskan industri pelancongan negara.

"Sehingga ini tiada... kerana kita tahu jangkitan itu terhad di kawasan tertentu sahaja dan ia tidak menjejaskan bahagian-bahagian lain negara," kata Perdana Menteri apabila ditanya sama ada jangkitan JE itu telah menjejaskan industri pelancongan Malaysia.

"Bagi kerajaan tumpuan utama sekarang ialah menghapuskan penyakit itu," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC) di sini.

"Kita mahu menghentikannya (jangkitan itu)... inilah yang paling penting," kata beliau.

Bagaimanapun beliau berkata, kerajaan juga mengambil kira nasib penternak babi dan telah memutuskan mengadakan satu cabutan loteri bagi membantu mereka yang terbabat tetapi bukan membayar pampasan bagi mereka.

Mengenai kesukaran yang dihadapi oleh penternak-penternak babi mendapatkan pembiayaan bagi perusahaan mereka ekoran jangkitan JE, Dr Mahathir berkata masalah itu perlu ditangani.

"Kita perlu menanganinya kerana hakikatnya sekarang pembiaya tidak lagi menganggapnya sebagai industri yang mampu membawa keuntungan...orang ramai tidak lagi memakan daging babi kerana mereka kini bimbang."

"Jadi penternak babi akan mendapati tiada lagi pasaran bagi babi mereka," dan oleh sebab itu institusi-institusi kewangan tidak lagi mahu membiaya mereka.

Dr Mahathir berkata, "bank-bank tidak meminjam...bukan sahaja kepada penternak babi tetapi juga kepada semua yang lain...jadi tiada diskriminasi terhadap penternak babi," kata beliau.

-- BERNAMA

MNY PR